

Catatan Kuliah Maghrib - 26/08/2006 oleh Ustaz Faudzar

- Solat 5 waktu adalah seperti kita mandi 5 kali sehari; Barangsiapa yang berwuduk, maka gugurlah dosa-dosa yang dilakukan oleh anggota-anggota wuduk tersebut, dengan syarat wuduknya dijaga dengan teliti dan betul.
- Manusia yang bersolat 5 waktu, insyaallah dihapuskan dosa-dosa kecilnya. Dosa besar pula hanya boleh dihapuskan dengan melakukan taubat nasuha. Antara dosa-dosa besar ialah tidak bersolat, tidak berpuasa
- Bila berwuduk, peliharalah betul-betul wuduk itu, baik yang wajib mahupun yang sunat.
- Bila bersolat, peliharalah waktu solat iaitu solat diawal-awal waktu, kecuali dalam keadaan darurat.

Orang yang menjaga wuduknya, tertib solatnya dan waktu solatnya, Allah haramkan api neraka keatasnya.

Orang yang malas bersolat akan masuk ke dalam lembah "wil" dalam neraka, yang mana lembah "wil" ini penghuninya adalah kala jengking.

- Wasiat terakhir yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad s.a.w ketika hendak meninggalkan dunia:-

1. Jangan tinggalkan solat;

Solatlah yang membezakan orang Islam dengan orang-orang munafik; Orang munafik pada zahirnya Islam tetapi batinnya kafir; Orang-orang munafik duduk ditangga terbawah sekali didalam neraka;

Jangan mengabdikan hamba-hamba abdi atau pembantu rumah; Jangan seksa mereka ini dengan kerja-kerja diluar kudratnya atau kuasanya.

- Orang yang meninggalkan perkara-perkara wajib seperti solat, puasa, zakat, haji, menutup aurat, tidak bertanggung-jawab pada kedua ibu-bapa, orang-orang ini namanya akan terpampang di pintu neraka. Orang-orang ini juga adalah orang-orang yang celaka hidupnya. Hidupnya tak ada keberkataan dari Allah, hidup dalam kemurkaan Allah dan Allah akan undangkan bala' kepada mereka.

Orang yang meninggalkan solat, maka Allah tidak terima sedekahnya / puasanya / hajinya.

- Pra-syarat orang yang beriman:-

1. yakin dalam hati bahawa Allah itu adalah segalanya;
2. melafazkan dengan lidah seperti berzikir / menyebut nama Allah selalu;
3. melakukan dengan perbuatan segala perintah Allah;

- 10 golongan dimurkai Allah, lalu diheret ke pintu neraka hingga berguguran daging pipinya:-

1. orang yang sudah lampau umurnya 40 tahun keatas tetapi dia masih galak membuat zina dengan cara yang salah;

2. Imam atau ketua pemimpin yang berdusta; mereka ini yang dusta dan bohong dengan hukum agama Allah. Mereka ini membelakangi Allah (Imam disini termasuklah suami/bapa/ketua pejabat/ketua kampung/ semua ketua-ketua);  
(Orang yang menyebarkan fitnah dengan menggunakan hadis/ayat-ayat al-quran / kata-kata yang manis hingga mengelirukan orang lain, maka orang-orang ini akan menggantung lidah mereka sendiri di neraka kelak)
3. Orang yang berkali-kali minum arak / tuak / minuman-minuman yang memabukkan;
4. Orang yang derhaka kepada kedua ibu dan bapanya; tetapi perkara yang tidak mengikut syariat agama Islam, maka tak payah mentaati mereka; Derhaka yang dibolehkan terhadap ibu-bapa apabila mereka menyuruh kita syirik pada Allah;
5. Orang yang mengumpat atau mengeji orang lain;  
(Dalam peristiwa israk & mikraj, nabi melihat orang-orang yang mengumpat:-
  - 1) dijadikan kukunya dari tembaga api neraka lalu mengorek-ngorek dan mencarik-carik isi mukanya sendiri dengan kuku tembaga itu;
  - 2) hasil dari mencarik-carik isi daging mukanya itu, lalu dia pun makan isi daging itu.
  - 3) Orang itu juga memakan daging mentah
6. Orang yang menjadi batu api iaitu suka melaga-lagakan orang lain sehingga menyebabkan pergaduhan diantara dua puak tersebut.
7. Orang yang menjadi saksi palsu / saksi dusta;
8. Orang yang meninggalkan zakat;
9. Orang yang zalim dengan harta orang-orang Islam; Orang ini menindas dan mengambil harta benda orang Islam dengan cara yang tidak benar;
10. Orang yang meninggalkan sembahyang melainkan dia bertaubat;  
(Orang yang meninggalkan sembahyang, nanti diakhirat kelak dia akan dipatuk ular yang mana lehernya sebesar seekor unta).

/norhanizah mohamad  
16/01/2007